

25/01/1997

Singapura tetap ada kelebihan

SINGAPURA, Jumaat - Singapura tidak bimbang dengan kemampuan Malaysia mengambil alih serta menguasai sektor teknologi maklumat (IT) serantau daripadanya, lapor akhbar The Straits Times, hari ini.

Ketua Eksekutif Lembaga Komputer Negara, Stephen Yeo, dipetik sebagai berkata Singapura memiliki infrastruktur lebih canggih dan kadar celik komputer lebih tinggi di kalangan tiga juta penduduknya.

Malaysia yang mempunyai 20 juta penduduk, kini menggerakkan usaha membina Koridor Raya Multimedia (MSC) di Kuala Lumpur.

Usaha itu dilihat sebagai langkah yang bertujuan mengambil alih status ibu negara IT di rantau Asia Tenggara dari Singapura.

"Teknologi kita mempunyai kepelbagaian. Satu daripadanya ialah infrastruktur.

"Ia canggih dan mampu bertahan sehingga alaf depan," kata Yeo yang dipetik sebagai berkata ketika merasmikan pameran mengenai Internet, di sini, semalam.

"Faktor kedua ialah kedua, kadar celik komputer di kalangan rakyat Singapura.

"Kami berpendapat kita mempunyai 15 hingga 20 tahun pengalaman mendahului Malaysia. Itu boleh dikira lama bagi kami membina kemampuan aliran baru untuk terus mendahului," katanya.

Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru pulang dari lawatan menarik pelaburan IT ke Malaysia.

Dalam lawatannya awal minggu ini ke Universiti Stanford di California, tapak industri IT, Mahathir dilaporkan sebagai berkata:

"Singapura menunjukkan pembangunan mantap, tetapi itu tidak bermakna kami tidak boleh melakukan lebih baik daripada itu."

Kerajaan Singapura kini dalam proses menyatukan seluruh kepulauan itu dalam satu rangkaian kabel kemampuan tinggi yang boleh membawa isyarat televisyen, kabel TV dan Internet pada setiap rumah penduduknya.

Dengan lebih 150,000 pengguna Internet, Singapura mempunyai bilangan pengguna rangkaian teknologi maklumat sejagat paling tinggi di Asia Tenggara.

Akhir tahun ini, Singapura dijangka menjadi salah sebuah negara pertama di dunia untuk melaksanakan penggunaan kad kredit melalui Internet.

"Kita memiliki struktur yang mantap dan kita tidak perlu hilang semangat sekalipun negara kita kecil," kata Yeo lagi di perasmian pameran Internet itu. - AFP

(END)